

# SIMBOL “MINYAK” DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS MAKNA DARI PERSPEKTIF LINGUISTIK KOGNITIF

*(The Symbol of Minyak [Oil] in Malay Proverbs: An Analysis of the Meaning from the Perspective of Cognitive Linguistics)*

*Hishamudin Isam*  
din@uum.edu.my

*Mashetoh Abd. Mutalib*  
mashetoh@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.

## Abstrak

Makalah ini bertujuan menjelaskan makna leksis “minyak” dari perspektif linguistik kognitif yang sering dijadikan simbol dalam peribahasa Melayu kerana berkait rapat dengan budaya Melayu dari segi kualiti dan kegunaan. Sebanyak 84 peribahasa berkaitan dengan “minyak” dianalisis daripada subkorpus data peribahasa yang berpangkalan di [www.malaycivilization.com/](http://www.malaycivilization.com/) yang diklasifikasikan mengikut kategori tertentu. Kajian mendapati masyarakat Melayu sangat kreatif memberikan makna “minyak”, bermula daripada makna domain [cecair] sehingga kepada makna domain [status], [sikap], [perlakuan], [perasaan] dan [keadaan] yang berkembang sehingga membentuk makna yang bersifat ameliorasi (positif) dan pejorasi (negatif). Peluasan makna yang terhasil bukan sahaja membuktikan kekreatifan masyarakat Melayu dalam berbahasa, malah dapat mengupas kehalusan dan ketajaman pemikiran, serta akal budi orang Melayu ketika berbahasa, khususnya untuk memilih simbol yang tepat dengan situasi dan keadaan.

Kata kunci: peribahasa, simbol, makna, linguistik kognitif, ameliorasi, pejorasi

### **Abstract**

*This study aims to explicate the lexical meaning of minyak (oil) from the perspective of cognitive linguistics, as a symbol regularly used in Malay proverbs. The selection of the symbol has its roots in the belief that the noun has a close connection with the Malay culture with regards to its quality and usage. Through the sub-corpus of proverbs sourced from [www.malaycivilization.com](http://www.malaycivilization.com) which have been classified into specific categories, 84 proverbs related to minyak have been obtained and analyzed. The results of the analysis reveal that the Malay society is very creative in defining the meaning of minyak, ranging from the meaning associated with the domain [liquid] to an array of meanings of the domain [status], [attitude], [behaviour], [feeling] and [situation]. The extended meanings have acquired ameliorative (positive) or pejorative (negative) characteristics. The extension of the meanings confirm the creative nature of the Malay society in language use, as well as displaying the subtlety, sharpness and wisdom of the Malay mind, particularly in the selection of precise symbols to suit particular situations and circumstances.*

*Keywords: proverbs, symbol, meaning, cognitive linguistics, ameliorative, pejorative*

## **PENDAHULUAN**

Simbol boleh dianggap sebagai suatu bentuk penggantian dalam rangka maujud atau mujarad yang digunakan untuk mewujudkan perbandingan bagi sesuatu kata atau pernyataan. Kebanyakan ahli bahasa menyepakati prinsip bahawa simbol yang dipilih untuk menggantikan sesuatu kata atau pernyataan bagi menimbulkan unsur perbandingan ialah simbol yang dianggap paling hampir dengan perilaku sesuatu kata atau pernyataan yang dijadikan unsur perbandingan tersebut (Asmah, 1993; Glenberg dan Robertson, 2000; Tenas, 2003; Deacon, 2003; DeLoache, 2004; Tonkin, 2007; Kintsch, 2008).

Hal ini jelas dapat diperhatikan dalam kebanyakan peribahasa Melayu yang menggunakan simbol untuk menjelaskan sesuatu maksud seperti penggunaan simbol haiwan untuk mengungkapkan peribadi dan perilaku manusia (Wan Abdul Kadir, 1993), dan penggunaan simbol tubuh badan untuk menyatakan emosi dan perasaan manusia (Lim, 2010). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa simbol yang diungkapkan dalam peribahasa mencerminkan corak pemikiran masyarakat Melayu yang merangkumi falsafah, norma, nilai, kepercayaan dan peraturan hidup yang berpandukan ajaran agama Islam. Walau bagaimanapun, hasil penelusuran kajian lepas mendapati pengkajian secara terperinci berkaitan dengan kaedah mengenal pasti makna bagi setiap simbol dalam peribahasa Melayu masih dijalankan pada tahap awal.

## TRADISI PENYELIDIKAN PERIBAHASA

Secara umumnya, tradisi penyelidikan peribahasa Melayu bergerak dari suatu tahap ke suatu tahap yang lebih baik dan terancang. Tradisi ini bermula dengan rancaknya apabila terhasilnya kajian bersifat mikro yang mengaitkan peribahasa dengan nilai, pemikiran dan budaya sesebuah komuniti bahasa yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Contoh kajian dalam kategori ini ialah kajian yang membincangkan makna peribahasa dalam budaya masyarakat Melayu (Tenas, 2003); sifat kreativiti peribahasa Melayu (Ding, 2009); pengkategorian peribahasa berasaskan nilai (Ahmad Fuad dan Zaitul Azma Zainon, 2010); nilai pemikiran dalam peribahasa Melayu (Zaitul Azma Zainon dan Ahmad Fuad, 2011); makna peribahasa yang berkaitan dengan dunia iklan (Noraini Shahida dan M. Mascitah, 2011); dan kajian berkenaan dengan nilai kesantunan budaya Melayu dalam peribahasa (Hamidah dan Siti Marina, 2012). Kesemua kajian ini menjadikan buku peribahasa sebagai data kajian untuk mencungkil peribahasa yang dikaji.

Anjakan daripada kajian yang bersifat mikro kepada kajian yang bersifat makro mengubah asas kajian peribahasa. Tumpuan pengkaji kini tidak lagi terhadap pemahaman makna sesuatu peribahasa semata-mata, sebaliknya fokus diberikan terhadap kepentingan peribahasa kepada dunia luar. Keadaan ini bermaksud, tumpuan kajian tidak lagi terhadap makna sesuatu peribahasa semata-mata, sebaliknya tertumpu pada skop yang lebih besar, iaitu mengaitkan peranan dan fungsi sesuatu peribahasa dengan sesuatu komuniti seperti pelajar dan masyarakat, serta budaya sesuatu bangsa. Contohnya, kajian Nor Hashimah (2000) yang mengkaji budaya seksis dalam peribahasa Melayu melibatkan perbandingan watak wanita dan lelaki, perkaitan peribahasa dengan pengguna peribahasa yang terdiri daripada pelajar (Haas, 2002), perbandingan lambang yang digunakan dalam peribahasa antara budaya masyarakat Semai dengan budaya masyarakat Melayu (Mohd. Rasdi, 2009), cerminan budaya setempat masyarakat Jawa dalam peribahasa (Susana Widyastuti, 2011), serta fungsi dan peranan peribahasa sebagai modal pembelajaran koperatif dalam dunia pendidikan (Anisah, Fauziah dan Nurhidayah, 2012). Seperti kelompok kajian mikro, kesemua kajian dalam kategori makro juga turut menjadikan buku peribahasa sebagai data kajian untuk mencungkil peribahasa yang dikaji.

Tahap ketiga berkaitan dengan kajian peribahasa ialah kajian yang menganalisis makna simbol berdasarkan penggunaan kata kunci seperti penelitian kata kunci “lelaki” dan “wanita” oleh Bahiyah dan Hafriza (1998), “mulut”, “bibir” dan “lidah” (Charteris-Black, 2003), “bunga” (Salina, 2005), dan “anjing” (Imran Ho, 2011). Kajian tersebut boleh dikatakan berada pada tahap awal kerana fokus kajian lebih tertumpu

pada penyenaaraan peribahasa berasaskan simbol yang dikaji dan pemahaman makna simbol pula dibuat berdasarkan pemahaman keseluruhan makna peribahasa. Keadaan ini menjadikan penganalisan makna simbol lebih terarah kepada pemahaman makna yang bersifat umum. Tambahan pula, kebanyakan kata kunci yang dijadikan subjek kajian, ialah lexis yang berkaitan dengan manusia dan sumber alam (flora dan fauna).

## DATA DAN KEWAJARAN

Kelompokan analisis simbol yang berkaitan dengan manusia dan sumber alam terisi oleh kajian terhadap kata kunci “cecair” yang dijadikan sebagai simbol dalam peribahasa Melayu. Kajian awal mendapati kata kunci berkaitan dengan “cecair” banyak digunakan sebagai simbol atau lambang dalam peribahasa Melayu.

Analisis makna simbol tersebut pula akan dijelaskan berdasarkan unsur kognitif yang bukan sahaja mementingkan hasil (makna), tetapi sebaliknya turut menekankan usaha untuk menerangkan proses mendapatkan sesuatu hasil (makna) dan cara sesuatu makna saling berhubung dengan makna lain sehingga mampu memberikan gambaran yang jelas tentang peluasan makna sesuatu kata kunci yang dikaji. Kata kunci berkaitan dengan cecair yang dijadikan teras kajian ialah “minyak”, iaitu satu daripada contoh *liquid* yang diklasifikasikan dalam *The Columbia Electronic Encyclopedia* (2013) sebagai *fluid*, iaitu *any substance that is able to flow ... any liquid, gas or plasma is classed as a fluid* (p. 45).

Kata kunci “minyak” yang akan dijadikan subjek kajian diselusur daripada pangkalan data peribahasa yang terhimpun dalam [www.malaycivilization.com](http://www.malaycivilization.com) (Supyan, Ding, Afendi dan Arba’eyah, 2004) atau [www.atma.ukm.my](http://www.atma.ukm.my), iaitu pangkalan data peribahasa Melayu digital pertama di Malaysia yang dibangunkan oleh sekumpulan lima orang pelajar tahun akhir dari Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, untuk projek latihan ilmiah mereka pada tahun akademik sesi 2001/2002. Penyelidikan awal mendapati sebanyak 715 peribahasa menggunakan cecair sebagai simbol atau lambang dalam peribahasa, dan daripada jumlah tersebut terdapat sejumlah 84 peribahasa (bersamaan 11.7 peratus) menggunakan “minyak” sebagai simbol atau lambang dalam peribahasa Melayu.

Dari perspektif sains, “minyak” merupakan bahan kimia neutral berbentuk cecair likat pada suhu persekitaran yang tidak bercampur di dalam air, tetapi boleh larut dalam alkohol atau eter yang mengandungi karbon dan hidrogen yang tinggi dan mudah terbakar, serta bersifat licin apabila dipegang (*Oxford English Dictionary*, 2001, p. 213). “Minyak” mempunyai kegunaan yang sangat penting dan dianggap

berkualiti dalam kehidupan manusia seperti menghasilkan cahaya dan haba yang boleh beralih ke bentuk tenaga lain seperti elektrik dan mekanikal (Sukarmin, 2009); digunakan sebagai minyak makanan atau minyak masak; bahan industri sabun; minyak pelincir dan bahan biodiesel; bahan asas untuk minyak pewangi; minyak kesihatan (urut atau aromaterapi moden) dan untuk perubatan tradisional Melayu; bahan pembakar untuk kenderaan bermotor; serta dicampurkan dengan aspal untuk membuat jalan dan atap bangunan (Hart, 1983). Menyedari hakikat peri pentingnya “minyak” dalam kehidupan manusia, pemikir Melayu yang peka terhadap alam sekitar mencipta banyak ungkapan yang mencerminkan kecerdikan orang Melayu yang dikaitkan dengan simbol “minyak”. Kesemua faktor ini menjadi penyebab utama untuk mewajarkan kajian pemahaman terhadap makna kata kunci yang berkaitan dengan simbol “minyak” dalam peribahasa Melayu dijalankan.

## LINGUISTIK KOGNITIF DAN KAEDAH ANALISIS

Linguistik kognitif ialah suatu disiplin ilmu dalam bidang linguistik yang tidak hanya melihat bahasa dari aspek bentuk (*form*) semata-mata, sebaliknya turut mementingkan aspek penampilan berbahasa (*language performance*) (Jyh, 1997; Lakoff dan Johnson, 1999; Gibbs, 2006; Ibarretxe-Antunano, 2008). Berbekalkan keperluan untuk turut meneliti bahasa dari aspek penampilan berbahasa, maka asas yang menunjangi prinsip dalam linguistik kognitif seharusnya menampilkan gabungan antara struktur linguistik dengan kognisi manusia (Leech, 1983; Levinson, 1985; Newman 1996; Rozaimah dan Nor Hashimah, 2013). Gabungan ini membolehkan sesuatu komuniti bahasa membentuk kategori berasaskan realiti sebenar yang mungkin berbeza daripada bentuk kategori yang dibina oleh suatu komuniti bahasa yang lain. Kaedah yang sering dijadikan kayu ukur untuk menjalankan kajian berkenaan disiplin linguistik kognitif ialah kaedah analisis korpus (Kennedy, 1998), iaitu kaedah yang berasaskan tiga aspek penting seperti penyelidikan himpunan data yang banyak, sampel teks sistematik yang mempunyai kesahan (*face-validity*) sebagai representasi sesuatu bahasa, serta mudah dicapai, dijana dan hasil kajian boleh diakui kredibilitinya. Berdasarkan keperluan tersebut, kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah analisis yang berikut:

1. Menjelaskan pemahaman makna lexis kata kunci “minyak” dari sudut kognitif.  
Pemilihan subjek yang paling tepat untuk merujuk makna lexis kata kunci yang dikaji akan dibuat berdasarkan makna yang paling hampir untuk

menjelaskan maksud sebenar lexis kata kunci tersebut. Contohnya:

Rujukan	: D/MMC83
Peribahasa	: Umpama ***minyak*** setitik, di laut sekalipun timbul juga.
Makna	: Orang baik, walau di mana dimuliakan juga.
Subjek (dicadangkan)	: Akhlak.
Pemilihan makna lexis	: Baik (berakhlak).
Penjelasan ( <i>embodiment</i> )	: Baik melambangkan akhlak seseorang. Orang yang baik (berakhlak) sentiasa dimuliakan.

2. Mengklasifikasikan tema bagi setiap pemahaman makna lexis kata kunci “minyak”.  
Proses ini dijalankan dengan berpandukan kaedah penentuan kategori menurut prinsip kognitif (Taylor, 1995), iaitu penetapan ciri persamaan bentuk penggunaan atau kesepunyaan seperti persamaan bentuk, saiz, dan bahan, serta persamaan aspek atribut atau sifat sesuatu objek seperti meneliti fungsi atau tujuan.
3. Menetapkan makna teras dan makna pinggiran (Dirven dan Verspoor, 1998; Tyler dan Evans, 2001).  
Tiga perkara yang akan dijadikan kayu ukur untuk menilai kadar persamaan ciri makna sesuatu lexis dengan ciri makna yang masdar atau tulen sehingga membolehkan makna lexis kata kunci tersebut diangkat sebagai makna teras adalah dengan mengambil kira latar belakang dan sejarah sesuatu lexis; meneliti sifat dominan sesuatu lexis dalam jaringan semantik; serta meramal dan mengesan kewujudan makna terbitan yang dianggap sebagai makna pinggiran daripada lexis tersebut.
4. Menerangkan hubungan dalam bentuk grafik (rajah representasi skematik) untuk makna teras dan makna pinggiran bagi setiap lexis kata kunci yang dianalisis.

Hubungan dalam bentuk grafik berkenaan dengan makna teras dan makna pinggiran akan diterangkan menggunakan model kerangka jaringan radial (Lakoff, 1987). Model yang dapat menerangkan struktur dalaman bagi sesuatu lexis yang berpolisemi ini direpresentasikan dalam bentuk nodus dan setiap nodus dihubungkan menggunakan rantai penghubung dengan cara meletakkan nodus makna teras di tengah-tengah dan

menghubungkannya dengan nodus makna pinggiran, dan menghubungkan nodus makna pinggiran dengan nodus makna subpinggiran.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis mendapati kata kunci “minyak” yang dijadikan simbol dalam peribahasa Melayu boleh diklasifikasikan kepada enam tema atau kategori utama, iaitu:

1. “Minyak” sebagai [cecair].
2. “Minyak” sebagai lambang [status].
3. “Minyak” yang mencirikan [sikap].
4. “Minyak” yang menggambarkan [perlakuan].
5. “Minyak” yang menzahirkan [perasaan].
6. “Minyak” yang memerihalkan [keadaan].

Daripada keenam-enam tema atau kategori tersebut, “minyak” yang mencirikan [sikap] dapat dianggap sebagai kategori makna teras kerana diwakili oleh jumlah peribahasa yang paling banyak dan kategori makna yang dianggap paling dominan berbanding dengan makna lain yang ditemui. Peluasan makna teras “minyak” yang mencirikan [sikap] melahirkan lima lagi makna pinggiran yang turut memperlihatkan cerminan corak pemikiran masyarakat Melayu yang merangkumi falsafah, norma, nilai, kepercayaan dan peraturan hidup.

Sebelum dijelaskan perbincangan tentang model representasi skematik yang berkaitan dengan hubungan dalam bentuk grafik berkenaan dengan makna teras dan makna pinggiran bagi kata kunci “minyak” yang dijadikan simbol dalam peribahasa Melayu, perbincangan dimulakan dengan menjelaskan perincian makna simbol [minyak] yang diklasifikasikan kepada enam tema atau kategori utama.

### “Minyak” sebagai [Cecair]

Terdapat peribahasa Melayu yang kekal menjadikan kata kunci “minyak” sebagai simbol yang menggambarkan sifat asal minyak sebagai suatu bentuk [cecair], khususnya peribahasa daripada kategori simpulan bahasa. Namun, bilangan peribahasa tersebut sangat terhad. Contohnya:



1. \*\*\*minyak\*\*\* masak *Subject Benda; Makanan Meaning* Minyak untuk masak memasak. (D/MMC44)
2. \*\*\*minyak\*\*\* angin *Subject Benda Meaning* Ubat minyak sapu yang wangi. (D/MMC331)

Contoh 1 dan 2 ialah contoh peribahasa yang menunjukkan penggunaan lexis kata kunci “minyak” dengan makna [cecair] yang mencirikan kepelbagaian jenis minyak. Contoh 1 ialah contoh peribahasa yang menunjukkan sejenis “minyak”, iaitu minyak masak (minyak yang digunakan untuk tujuan memasak) dan contoh 2 pula ialah contoh penggunaan “minyak” sebagai sejenis minyak angin (minyak yang digunakan untuk tujuan perubatan dan kesihatan).

Peluasan ciri jenis “minyak” sebagai [cecair] yang terdapat dalam peribahasa Melayu menambah maklumat berkenaan dengan kata kunci “minyak” yang dihuraikan pula dari sudut fungsi dan kegunaan, ciri, serta kelebihan. Misalnya contoh 3 memperlihatkan lexis kata kunci “minyak” yang diserlahkan sebagai sejenis makanan, iaitu [nasi minyak] (nasi yang menggunakan minyak sebagai bahan utama). Contoh 4 dan 5 pula ialah contoh “minyak” dari kategori [benda] yang mengambil minyak sebagai ciri (kilat - kelihatan seperti minyak) dan keadaan atau keperihalalan (menggunakan minyak). Hasil penelitian memperlihatkan makna “minyak” sebagai [cecair] berkembang dalam suasana yang bersifat neutral (tidak menggambarkan sesuatu yang bersifat positif atau negatif).

3. Nasi \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Makanan Meaning* Sejenis sajian nasi yang dimasak dengan minyak sapi. (D/MMC55)
4. Kertas \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Benda Meaning* Kertas kilat. (D/MMC22)
5. Makan \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Benda Meaning* Banyak menggunakan minyak. (D/MMC26)

### “Minyak” sebagai Lambang [Status]

Perkara menarik yang dibincangkan berkaitan dengan kata kunci “minyak” ialah peluasan makna lain yang muncul yang mengaitkan makna kata kunci “minyak” dengan sifat dalaman manusia. Penelitian yang kritis terhadap semua contoh peribahasa tersebut mengandaikan bahawa kualiti yang ada pada “minyak” mungkin menjadi penyebab keadaan ini (diandaikan bahawa kualiti yang ada pada minyak memberikan kesan kepada sifat dalaman manusia sebagai pengguna minyak). Apa-apa pun jenisnya, minyak ialah sesuatu yang berharga dan sangat diperlukan. Contohnya, minyak hasil bumi seperti minyak petrol, minyak tanah, minyak merah dan minyak



wangi atau minyak yang dicipta hasil adunan pelbagai jenis ramuan. Keadaan ini menjadi penyebab terciptanya peribahasa yang menggunakan kata kunci “minyak” sebagai simbol untuk mengetengahkan makna yang baik (bersifat ameliorasi). Walau bagaimanapun, kualiti sesuatu minyak boleh hilang atau berkurangan sekiranya digunakan atau bercampur dengan sesuatu bahan lain yang rendah kualitinya. Keadaan ini pula dijadikan sandaran oleh intelek Melayu untuk mencipta peribahasa dengan bersandarkan kata kunci “minyak” yang membawa konotasi makna yang kurang baik atau tidak memuaskan (perkembangan makna yang bersifat pejorasi). Sebagai contoh, kualiti yang ada pada minyak inilah yang mengaitkan makna kata kunci “minyak” dengan [status] seseorang. Hal ini dapat dibuktikan melalui peribahasa “otak minyak” (contoh 6) yang membawa maksud [status], iaitu merujuk orang yang pandai.

6. Otak \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Status Meaning* Pandai. (D/MMC57)

Selain makna umum, kata kunci “minyak” yang dirujuk sebagai [status] juga memperincikan makna khusus yang melibatkan status seperti status perkahwinan, taraf atau kedudukan seseorang dalam institusi atau masyarakat dan mencerminkan permusuhan antara dua pihak. Berikut disertakan contoh peribahasa yang membuktikan hal ini.

7. Makan nasi \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Perkahwinan*. (D/MMC27)

8. Banyak air sedikit \*\*\*minyak\*\*\*, minyak juga di atas *Subject Taraf Meaning*. Orang biasa tak sama taraf dengan orang berpangkat; Orang biasa diasingkan tempat duduk daripada orang yang berpangkat. (D/MMC4)

9. Bagai \*\*\*minyak\*\*\* dengan air *Subject Musuh Meaning* Orang yang bermusuhan atau tidak sehaluan, mustahil dapat bergaul menjadi satu. (D/MMC67)

Contoh 7 hingga 9 ialah contoh peribahasa yang memperincikan makna khusus bagi [status]. Sebagai contoh, kata kunci “minyak” yang digunakan dalam peribahasa “makan nasi minyak” dapat memberikan maklumat tentang status [perkahwinan] seseorang yang baru melangsungkan perkahwinan (contoh 7), menunjukkan [taraf] atau kedudukan seseorang (contoh 8), dan menunjukkan per[musuhan] antara dua pihak (contoh 9). Kesemua makna khusus bagi [status] yang memperlihatkan penggunaan kata kunci “minyak” dalam peribahasa berkait rapat dengan sifat dalaman manusia. Keadaan ini menunjukkan bahawa

ada ketikanya simbol “minyak” digunakan dalam keadaan yang bersifat ameliorasi (tidak baik kepada baik) dan ada ketikanya pula bersifat pejorasi (baik kepada tidak baik).

### “Minyak” yang Mencirikan [Sikap]

Selain itu, terdapat juga kata kunci “minyak”, yang membawa makna umum dan khusus bagi [sikap]. Sebagai contoh, makna umum bagi [sikap] diperlihatkan menerusi peribahasa yang berikut:

10. Alang-alang ber\*\*\*minyak\*\*\* biar licin (lihat A513, A515, A516) *Subject Sikap Meaning* Kalau mengerjakan sesuatu janganlah sekerat jalan. (D/MMC1)

Contoh 10 ialah contoh peribahasa yang menggambarkan makna umum bagi kata kunci “minyak” yang membawa makna [sikap]. Perincian makna [sikap] pula yang dicirikan dengan kepelbagaian makna khusus dapat dibuktikan melalui 11 peribahasa yang berikut:

11. Umpama \*\*\*minyak\*\*\* setitik, di laut sekalipun timbul juga *Subject Akhlak Meaning* Orang baik, walau di mana dimuliakan juga. (D/MMC83)
12. Seperti menatang \*\*\*minyak\*\*\* yang penuh *Subject Hati-hati; pelihara Meaning* Membuat kerja dengan berhati-hati supaya tidak rosak atau rugi walau sedikit pun.; Memelihara anak atau isteri dengan penuh kasih sayang. (D/MMC70)
13. Banyak tahi \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Cerewet Meaning* Pembohong; Pemborak; Banyak kerenah; Mengada-ngada; Banyak bercakap perkara yang sia-sia. (D/MMC5)
14. Tuang \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Mungkir Meaning* Mungkir; Lari daripada janji. (D/MMC78)

Kesemua empat contoh peribahasa yang disenaraikan (contoh 11 hingga 14) membuktikan wujudnya makna khusus bagi [sikap] yang dipatenkan dengan pelbagai makna khusus. Dua daripada empat penggunaan kata kunci “minyak” memperlihatkan makna yang baik dan menyenangkan (ameliorasi), iaitu contoh 11 dan 12. Contoh 11, misalnya “minyak” bermakna sikap yang berkaitan dengan [akhlak], manakala contoh 12 pula membawa makna [hati-hati]. Dapat dikatakan bahawa kedua-dua makna yang baik dan menyenangkan ialah contoh kualiti yang terpamer

pada sikap manusia yang dianalogikan daripada kualiti yang ada pada “minyak”. Misalnya minyak yang baik akan terserlah daripada jenama dan harganya, manakala manusia yang hebat (baik = hebat) akan terserlah daripada ketinggian akhlaknya (jenama dan harga = akhlak).

Contoh 13 dan 14 pula ialah contoh peribahasa yang memperlihatkan penyerlahan makna kata kunci ‘minyak’ sebagai sikap yang berkaitan dengan sesuatu yang berkonotasi negatif (pejorasi). Contohnya “minyak” didefinisikan sebagai [cerewet] (contoh 13), dan [mungkir] (contoh 14). Hal ini tentunya dikaitkan dengan pandangan yang mudah mentafsirkan bahawa sesuatu barang yang terhasil boleh berubah kualiti jika tidak dijaga dengan baik. Sebagai contoh, jika tidak dikawal atau ditukar ramuannya, minyak wangi yang mahal boleh berubah atau bertukar menjadi minyak wangi yang murah. Oleh sebab itu perubahan kualiti yang ada pada minyak boleh dianalogikan dengan perubahan sikap manusia. Perubahan ini dibuktikan melalui perubahan nilai kata yang diwakili oleh kata kunci yang digunakan. Peribahasa “tuang minyak” (contoh 14), misalnya memerihalkan analogi sesuatu (barang) yang tidak lagi berkualiti, pastinya akan dibuang. Dengan menggunakan lexis “tuang” yang bermaksud [buang], “minyak” yang tidak lagi diperlukan akan disingkirkan. Analoginya, membuang sesuatu yang dahulunya berkualiti, ibarat memungkiri janji yang pernah dimeterai.

### “Minyak” Menggambarkan [Perlakuan]

Satu lagi hal yang menarik tentang penggunaan kata kunci “minyak” ialah makna lexis tersebut tidak terhenti setakat pernyataan makna [sikap] sahaja, sebaliknya dilanjutkan kepada makna [perlakuan] yang terzahir. Keadaan ini membuktikan bahawa kualiti yang ada pada minyak boleh dianalogikan dengan perlakuan yang baik atau sebaliknya oleh manusia. Sebagai contoh disertakan peribahasa yang dapat membuktikan hal ini.

15. Memasakkan \*\*\*minyak\*\*\* tanah *Subject* **Perlakuan**; dosa; kejahatan  
*Meaning* Menghasut. (D/MMC29)

Contoh 15 ialah contoh peribahasa yang dapat menggambarkan [perlakuan] manusia yang dianalogikan dengan perlakuan minyak. Minyak tanah, misalnya ialah minyak yang digunakan untuk menghidupkan api. Jika minyak tersebut disalahgunakan seperti dijadikan bahan masakan, maka sudah tentu minyak itu akan meletup dan mendatangkan kemusnahan (diibaratkan seperti sesuatu yang berubah

sikap dan perlakuan). Keadaan ini dijadikan lambang bagi perlakuan manusia yang jika tidak menjaga tatasusila dalam hal berbicara, pastinya akan mendatangkan kemudaratan kepada pihak tertentu, terutama apabila membicarakan isu sensitif seperti menghasut.

Makna umum bagi [perlakuan] dapat diperhalus lagi dengan makna yang lebih khusus yang dibezakan menerusi dua jenis perlakuan, iaitu perlakuan positif (ameliorasi) dan negatif (pejorasi). Contoh [perlakuan] yang positif adalah seperti yang berikut:

16. Hendak berminyak-\*\*\*minyak\*\*\* air *Subject Pujian Meaning* Memuji-muji seseorang. (D/MMC14)
17. Ber\*\*\*minyak\*\*\* biar lecah *Subject Nasihat Meaning* Janganlah kepalang tanggung dalam melakukan sesuatu pekerjaan. (D/MMC6)

Contoh 16 dan 17 ialah contoh makna [perlakuan] bagi kata kunci “minyak” yang berkonotasi positif. Makna [pujian] (contoh 16), dan [nasihat] (contoh 17) ialah makna yang diyakini bernilai positif kerana menampilkan keterangan makna yang baik dan menyenangkan. Sementara itu, contoh 18 dan 19 pula ialah contoh peribahasa yang mengandungi makna [perlakuan] yang berkonotasi negatif (pejorasi) kerana menampilkan makna yang kurang menyenangkan seperti [angkuh] (contoh 18), dan [jahat] (contoh 19).

18. Licin dek \*\*\*minyak\*\*\* pintaan, rending dek harta pinjaman *Subject Angkuh Meaning* Sindiran untuk merendahkan seseorang yang angkuh atau sombong kerana harta atau barang yang dipinjam. (D/MMC24)
19. \*\*\*minyak\*\*\* duyung m(p)erendang duyung *Subject Jahat Meaning* Menghabiskan harta tuannya. (D/DMC36)

Hasil penyelidikan juga turut menjumpai peribahasa yang menggambarkan makna [perlakuan] dari segi kebolehan tertentu yang dimiliki oleh manusia tetapi tidak dimiliki oleh semua manusia. Hanya manusia terpilih atau manusia yang berusaha untuk memiliki kelebihan ini sahaja yang memilikinya. Keadaan ini turut membuktikan bahawa kualiti yang ada pada minyak boleh dipindahkan metaforanya kepada manusia. Sebagai contoh, disertakan dua peribahasa yang menggambarkan keadaan ini.

20. Goreng tak \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Manipulasi Meaning* Bercakap sesuatu perkara tidak dengan perkara yang sebenar semuanya. (D/MMC10)

21. Jual \*\*\*minyak\*\*\* *Subject* **Memikat** *Meaning* Cuba memikat perempuan. (D/MMC17)

Contoh 20 dan 21 ialah contoh peribahasa yang menggambarkan perlambangan makna [perlakuan] yang dicirikan sebagai suatu [kebolehan] yang khusus, iaitu [manipulasi] (contoh 20) dan [memikat] (contoh 21).

### “Minyak” Menzahirkan [Perasaan]

Peluasan makna daripada [sikap] kepada [perlakuan] membawa satu lagi makna yang dikonsepsikan oleh kualiti dalaman yang ada pada manusia, yang dianalogikan dengan kualiti minyak, iaitu makna [perasaan]. Terdapat banyak peribahasa yang berasaskan kata kunci “minyak” yang memerihalkan makna [perasaan], dan makna tersebut menyerlahkan perasaan yang sering berada di dalam hati manusia. Contohnya dapat dibuktikan menerusi empat contoh peribahasa yang berikut:

22. Ber\*\*\*minyak\*\*\* tak licin *Subject* **Rindu** *Meaning* Teringat-ingat pada orang itu sepanjang masa; Sangat merindui. (D/MMC74)
23. Pelita kehabisan \*\*\*minyak\*\*\* *Subject* **Sedih** *Meaning* Muram kerana berduka. (D/MMC62)

Contoh 22 dan 23 ialah contoh peribahasa yang menyerlahkan makna [perasaan] yang khusus yang diwakili oleh makna [rindu] (contoh 22) dan [sedih] (contoh 23). Sebagai contoh, kualiti minyak yang berharga dan tinggi nilainya dianalogikan seperti pentingnya minyak yang menjadi kegunaan orang yang memerlukan sehingga mengakibatkan timbul perasaan rindu dan sedih sekiranya ditimpa musibah seperti kehilangan.

### “Minyak” Memerihalkan [Keadaan]

Kata kunci “minyak” juga menunjukkan potensi untuk memerihalkan makna [keadaan]. Analisis data menunjukkan bahawa makna [keadaan] yang diserlahkan melalui penggunaan leksis “minyak” cenderung mempamerkan makna yang berkonotasi negatif (pejorasi). Sebagai contoh, disertakan peribahasa yang dapat menggambarkan keadaan ini.

24. Terbit air kerana dipercik, terbit \*\*\*minyak\*\*\* kerana dikempa *Subject* **Terpaksa** *Meaning* Mahu melakukan sesuatu perkara kerana dipaksa. (D/MMC77)
25. Seperti \*\*\*minyak\*\*\* dengan air *Subject* **Keruh** *Meaning* Dua perkara yang mustahil dicampurkan. (D/MMC71)


Contoh 24 dan 25 ialah contoh peribahasa yang memaparkan perihal makna [keadaan] yang membawa konotasi yang negatif seperti [terpaksa] (contoh 24), dan [keruh] (contoh 25). Keadaan ini tentunya didorong oleh penurunan kualiti minyak yang turut dianalogikan dengan penurunan kualiti yang ada pada keadaan yang berkaitan dengan manusia. Sebagai contoh, “minyak” hanya akan diperoleh sekiranya mengalami tekanan seperti [dipaksa] (24), dan kesannya, minyak yang keluar ialah minyak mentah yang masih lagi [keruh] (contoh 25).

Di sebalik makna yang berkonotasi negatif, masih terdapat makna berkonotasi positif yang dapat diserlahkan melalui penggunaan kata kunci “minyak” dalam peribahasa Melayu. Makna ini menyerlahkan potensi makna yang baik dan menyenangkan yang mengaitkan analogi yang tepat antara minyak dengan manusia, khususnya yang berkaitan dengan kualiti yang dimiliki oleh kedua-duanya. Sebagai contoh disertakan dua peribahasa yang menggambarkan hal ini.

26. Tua-tua kelapa; semakin tua, semakin ber\*\*\*minyak\*\*\* *Subject Berguna*  
*Meaning* Makin tua makin bernilai. (D/MMC81)
27. Perigi \*\*\*minyak\*\*\* *Subject Rezeki* *Meaning* Tempat punca minyak didapati/  
punca kekayaan. (D/MMC63)

Kedua-dua peribahasa (contoh 26 dan 27) ialah contoh peribahasa yang dapat menyerlahkan makna khusus bagi [keadaan] seperti makna [berguna] (contoh 26), dan [rezeki] (contoh 27), serta diyakini menyerlahkan makna yang baik dan menyenangkan kerana memperlihatkan kualiti yang berharga dan bernilai yang ada pada “minyak” yang dikaitkan dengan kualiti yang dimiliki oleh manusia. Sebagai contoh, peribahasa “perigi minyak” yang membawa maksud tempat punca rezeki menyerlahkan makna “minyak” sebagai sumber [rezeki] untuk mencari kekayaan.

Secara kesimpulannya, contoh peribahasa yang dianalisis menjelaskan bahawa makna kata kunci “minyak” tidak sekadar membawa maksud [cecair] yang memperincikan kepelbagaian jenis minyak, sebaliknya membawa makna yang berkait rapat dengan sifat dalaman manusia seperti [status], [sikap], [perlakuan], [perasaan] dan [keadaan]. Menariknya, hasil pemahaman terhadap keseluruhan makna simbol [minyak] yang dipaparkan menjelaskan bahawa dalam budaya Melayu [minyak] yang dijadikan simbol dalam peribahasa mengetengahkan makna [sikap] (sifat dalaman manusia) sebagai makna teras kerana makna ini lebih banyak digunakan dan bersifat dominan kerana melalui makna ini, berlaku peluasan makna lain yang turut memperlihatkan makna yang berkaitan dengan sifat dalaman manusia. Pertalian makna yang berkaitan dengan sifat dalaman manusia ini diandaikan berkait rapat dengan kualiti



Rajah 1 Representasi skematik lexis kata kunci “minyak”.

dan nilai yang ada pada minyak yang dianalogikan dengan kualiti dan nilai yang ada pada manusia. Adakalanya, makna yang dijelmakan ialah kategori makna yang berkembang dalam aliran makna yang bersifat ameliorasi (positif), dan terdapat juga makna yang disimbolkan dengan sesuatu yang bernilai pejorasi (negatif). Peluasan makna yang disenaraikan akhirnya dapat menyerlahkan identiti manusia berasaskan penggunaan kata kunci “minyak” sebagai simbol dalam peribahasa Melayu.


Pertalian makna teras dan makna pingiran bagi kata kunci “minyak” yang direpresentasikan dalam bentuk nodus, dengan setiap nodus dihubungkan dengan menggunakan rantai penghubung, dapat dijelaskan melalui model representasi skematik dalam Rajah 1. Model yang dapat menerangkan struktur dalaman bagi sesuatu lexis yang berpolisemi menggambarkan hubungan dalam bentuk grafik



berkenaan dengan makna teras dan makna pinggiran kata kunci “minyak” yang dijadikan simbol dalam peribahasa Melayu berdasarkan klasifikasi enam tema atau kategori utama.

### **Pembudayaan Makna Simbol “Minyak”**

Pembudayaan makna teras dan pinggiran, khususnya makna yang semakin menjauh daripada makna literal melambangkan ketajaman akal fikiran Melayu yang memberikan konsep kepada sesuatu kata yang dihubungkan dengan pengalaman diri (*embodiment*) (Ibarretxe-Antunano, 2008). Pengalaman diri yang dilalui sehari-hari dipercayai mendorong peluasan makna kata kunci “minyak” kepada makna yang melibatkan hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam, dan lebih hebat lagi, hubungan manusia dengan Tuhan. Keadaan ini bermaksud, simbol kata kunci “minyak” dalam peribahasa Melayu bukan setakat cecair pada mata orang Melayu tetapi rujukannya menjadi simbol dan lambang kepada sesuatu yang lebih besar dan tinggi konsepnya, khususnya untuk memahami dunia Melayu dengan lebih mendalam. Sebagai contoh, lexis kata kunci “minyak” turut mendukung makna tersirat yang dapat menggambarkan kehidupan bersosial masyarakat Melayu yang berwarna-warni. Kehidupan masyarakat yang pelbagai ragam digambarkan melalui



**Rajah 2** Struktur pemahaman makna peribahasa.

unsur alam dan keadaan sekeliling yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu (Zurinah, 2007). Kata yang digunakan dalam peribahasa sama ada secara tersurat ataupun tersirat menyerlahkan nilai keindahan berbahasa yang wujud dalam budaya Melayu yang diwarisi sejak turun-temurun sebagai suatu warisan budaya yang sentiasa dipelihara.

Seperkara lagi yang dapat dicungkil berkaitan peluasan makna kata kunci dalam peribahasa Melayu adalah berkaitan dengan struktur pemahaman makna peribahasa. Untuk membenarkan kata Tenas (2003) yang mengatakan bahawa peri pentingnya peribahasa (falsafah di sebalik setiap peribahasa) hanya dapat difahami jika makna lambang atau simbol yang menjadi inti dalam peribahasa dan strukturnya difahami seperti dalam Rajah 2.

Rajah 2 menggambarkan struktur pemahaman makna peribahasa dengan lapisan pertama (kulit luar) peribahasa ialah lambang atau simbol yang menjadi unsur yang seerti bagi sesuatu maksud. Lambang atau simbol yang dipilih biasanya ialah lambang atau simbol yang dekat dengan budaya sesuatu bangsa (biasa dilihat, didengar, atau dirasa oleh orang kebanyakan), dapat menonjolkan makna seerti yang bertujuan menggantikan makna sebenar bagi sesuatu yang hendak diperkatakan, serta mengandungi falsafah pemikiran yang tinggi hasil penaakulan orang bijak pandai.

Lapisan kedua pula ialah makna yang terselindung di sebalik simbol atau lambang yang digunakan. Adakalanya simbol atau lambang yang digunakan mengandungi makna yang berlapis-lapis sehingga sukar untuk dimengertikan pilihan makna yang paling sesuai. Akhir sekali, lapisan ketiga (yang paling dalam) ialah falsafah di sebalik makna peribahasa yang cuba diungkapkan dengan menggunakan lambang atau simbol.

Keadaan ini menjadi pencetus dan penyebab yang paling kuat untuk mewajarkan penelitian yang khusus terhadap makna bagi sesuatu kata kunci yang dijadikan simbol dalam sesuatu peribahasa kerana peri pentingnya peribahasa (falsafah di sebalik setiap peribahasa) hanya akan dapat difahami apabila makna peribahasa dapat difahami menerusi simbol atau lambang yang menjadi inti dalam peribahasa. Secara tidak langsung, Rajah 1 dapat menjelaskan makna peribahasa “jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”.

## **KESIMPULAN**

Secara khusus, kajian ini memberikan gambaran tentang pemahaman makna kata kunci “minyak” yang menjadi simbol dalam peribahasa Melayu dari perspektif linguistik kognitif. Jika sebelum ini, kajian berkenaan peribahasa lebih tertumpu

pada pemahaman keseluruhan makna sesuatu peribahasa, maka kajian ini dapat memberikan kefahaman tentang makna kata kunci “minyak” dari aspek yang lebih luas dengan menjelaskan peluasan makna daripada ungkapan sebenar keseluruhan peribahasa dengan penggunaan teori yang berwibawa dalam disiplin linguistik.

Kajian ini juga penting sebagai usaha untuk memahami proses menganalisis makna kata kunci “minyak” dengan mengetengahkan kaedah yang empirikal dan saintifik berbantuan data yang autentik. Jika kajian sebelum ini berusaha mengetengahkan makna keseluruhan peribahasa dan memfokuskan makna peribahasa semata-mata, tetapi kajian ini merupakan suatu kaedah alternatif untuk menganalisis makna pada tahap kata (leksis) dengan memberikan perhatian pada proses atau kaedah untuk mendapatkan hasil (memahami makna satu kata kunci berdasarkan data peribahasa yang banyak). Hasil pengamatan data yang bersifat autentik dan pembuktian yang berdasarkan kaedah yang empirikal dan saintifik membolehkan pemahaman makna kata kunci “minyak” dalam peribahasa Melayu dapat difahami dengan lebih jelas.

## RUJUKAN

- Ahmad Fuad Mat Hassan dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010). Pengkategorian peribahasa Melayu berdasarkan aspek nilai dan pemikiran: Satu analisis pragmatik. Capaian pada 10 Disember 2012 daripada <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01>.
- Anisah Mustaffa, Fauziah Osman dan Nurhidayah Ashari (29 Mei 2012). Penggunaan peribahasa dalam penulisan karangan melalui pembelajaran koperatif. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Bahasa Melayu 2012 anjuran Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Asmah Haji Omar (1993). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahiyah Abdul Hamid dan Hafriza Burhanudeen (1998). Men and women in Malay proverb: An analysis of Malay gender ideology. dlm. Sharifah Zaleha Syed Hassan dan Rashila Ramli (Eds.), *Kedudukan dan citra wanita dalam sumber-sumber tradisional Melayu* (pp. 148 – 158). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Charteris-Black, J. (2003). Speaking with fork tongue: A comparative study of metaphor and metonymy in English and Malay phraseology. *Journal of Metaphor and Symbol*, 18(4), 289 – 310.
- Deacon, T. W. (2003). UG and semiotic constraints. dlm. M. H. Christiansen, dan S. Kirby (Eds.), *Language evolution* (pp. 83-102). Oxford: Oxford University Press.
- DeLoache, J. S. (2004). Becoming symbol-minded. *Trends in Cognitive Sciences*, 8, 66 – 70.
- Ding Choo Ming (2009). Beberapa sifat, asal usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 3 – 26.
- Dirven, R., dan Verspoor, M. (1998). *Cognitive exploration of language and linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Pub. Com.

- Gibbs, R. W. (2006). *Embodiment and cognitive science*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Glenberg, A. M., dan Robertson, D. A. (2000). Symbol grounding and meaning: A comparison of high-dimensional and embodied theories of meaning. *Journal of Memory and Language*, 43, 379 – 401.
- Haas, H. A. (2002). Extending the search for folk personality constructs: The dimensionality of the personality-relevant proverb domain. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82(4), 594 – 609.
- Hamidah Abd. Wahab, dan Siti Marina Kamil (2012). Peribahasa cerminan budi bahasa dan budaya bangsa Melayu. *Language Studies*, 1(1). Capaian pada 14 Mac 2013 daripada <http://www.cls.unimas.my/ils-publications/vol/volume-1-number-1.html>.
- Hart, H. (1983). *Organic chemistry, a short course* (Edisi Keenam). Michigan State University: Houghton Mifflin Company.
- Imran Ho-Abdullah (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1). Capaian daripada <http://www.ukm.my/ppbl/GEMA>.
- Imran Ho-Abdullah, dan Norsimah Mat Awal (2008). Pengkonseptualan emosi dalam bahasa Melayu: Hati sebagai sumber emosi dan peluasan maknanya. dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, dan Rusmadi Bharudin (Eds.), *Leksikologi dan leksikografi Melayu* (pp. 406 – 432). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jyh Wee Sew (1997). Pemahaman makna berdasarkan teori nahu kognitif. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(11), 1123 – 1132.
- Kennedy, G. (1998). *An introduction to corpus linguistics*. London: Longman.
- Kintsch, W. (2008). Symbol systems and perceptual representations. dlm. M. De Vega, A. Glenberg, dan A. Graesser (Eds.), *Symbols and Embodiment* (pp. 145 – 164). Oxford: Oxford University Press.
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire, and dangerous things: What categories reveal about the mind*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lakoff, G. dan Johnson, M. (1999). *Philosophy in the flesh*. New York: Basic Books.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Levinson, S. C. (1985). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lim Kim Hui (2010). How Malay proverbs encode and evaluate emotion? A paremiological analysis. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1), 57 – 81.
- Mohd. Rasdi Saamah (2009). Persamaan lambang dan makna dalam peribahasa bahasa Semai dan bahasa Melayu. Capaian pada 8 April 2012 daripada <http://jpmipgmtaa.webs.com/penulisanakademik.htm>.
- Newman, J. (1996). *GIVE: A cognitive linguistics study (cognitive linguistic research)*. Berlin-New York: Mouton de Gruyter.
- Noraini Shahida Ishak, dan M. Mascitah Mansor (2011). Peribahasa: Gambaran minda Melayu dalam penciptaan iklan. Capaian pada 5 Oktober 2012 daripada <http://irep.iium.edu.my/7309/1>.

- Nor Hashimah Jalaluddin (2000). Seksis atau sosialisasi: Satu interpretasi makna berdasarkan peribahasa Melayu. Capaian pada 31 Oktober 2003 daripada <http://dbp.gov.my/mab2000/Penerbitan/Rampak/seksis20.pdf>.
- Oxford English Dictionary* (Edisi Ketiga) (2001). Oil. Oxford: Oxford University Press.
- Rozaimah Rashidin, dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013). Emotional metaphor of *marah* (anger) in *Hikayat Merong Mahawangsa: An analysis of the hybrid theory*. *Pertanika J. Soc. Sci. and Hum*, 21(S), 77 – 90.
- Salina Jaafar (2005, Disember). Fungsi leksikal bunga dalam simpulan bahasa dan peribahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40 – 66.
- Sukarmin (2009). Kegunaan minyak bumi. Capaian pada 13 Januari 2013 daripada [http://www.chem-is-try.org/materi\\_kimia/](http://www.chem-is-try.org/materi_kimia/).
- Supyan Hussin, Ding Choo Ming, Afendi Hamat, dan Arba'eyah Abdul Rahman (2004). Kamus peribahasa Melayu digital yang pertama. *Sari*, 22, 49 – 61.
- Susana Widyastuti (2011). Peribahasa: Cerminan kepribadian budaya lokal dan penerapannya pada masa ini. Capaian pada 20 Disember 2012 daripada <http://staff.uny.ac.id/>.
- Taylor, J. R. (1995). *Linguistics categorization prototypes in linguistics theory*. Oxford: Clarendon Press.
- Tenas Effendy (2003). Peribahasa dalam kehidupan orang Melayu. Capaian pada 13 September 2012 daripada [http://malaycivilization.ukm.my/idc/groups/portal\\_tenas/documents/ukmpd/tenas\\_42870.pdf](http://malaycivilization.ukm.my/idc/groups/portal_tenas/documents/ukmpd/tenas_42870.pdf).
- The Columbia Electronic Encyclopedia (2013). *Liquid*. Capaian pada 12 Februari 2012 daripada [www.cc.columbia.edu/cu/cup/](http://www.cc.columbia.edu/cu/cup/).
- Tonkin, E. (2007). Between symbol and language-in-use. dlm. Doan, Bich-Lien, J. Joemon, dan M. Melucci (Eds.), *Proceedings of the 2nd International Workshop on Context-Based Information Retrieval* (pp. 113 – 119).
- Tyler, A. dan Evans, V. (2001). Reconsidering prepositional polysemy networks: The case of *over*. *Language*, 77(4), 724 – 765.
- Wan Abdul Kadir (1993). *Beberapa nilai dan world-view orang Melayu*. Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(3), 31 – 51.
- Zurinah Hassan (2007). Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan dalam puisi Melayu moden (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Diperoleh (*Received*): 13 Februari 2017

Diterima (*Accepted*): 23 Mac 2017